

UM 31 MAR 2001

Desakan rawat Anwar di luar negara

KUCHING 30 Mac Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng tidak menafikan kemungkinan wujud agenda politik di sebalik usaha dan desakan pihak tertentu supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim dibenarkan menjalani pembedahan di luar negara.

Beliau difahamkan ada motif tertentu yang mendorong 'orang pembangkang' berbuat demikian bagi membolehkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu menjalani pembedahan tulang belakang di luar negara.

"Kita tahu ada motif dan usaha dijalankan 'orang pembangkang' yang mendesak kerajaan membenarkan Datuk Seri Anwar pergi ke luar negara (menjalani pembedahan), ini satu agenda politik," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Tibi Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Chua mengulas usaha pihak tertentu yang mahukan Anwar menjalani

pembedahan di luar negara setelah beliau (Anwar) didakwa tidak mendapat layanan istimewa sebagai banduan di negara ini.

Akhbar semalam turut melaporkan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kecewa dengan sikap isteri bekas Timbalan Perdana Menteri itu, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang mendakwa suaminya tidak mendapat layanan istimewa sebagai banduan.

ada agenda politik — Jui Meng

Menurut Dr. Mahathir, dalam sejarah Malaysia, belum ada banduan yang mendapat layanan seistimewa Anwar yang diberi kelonggaran dan kemudahan.

Isnin lalu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata, Malaysia tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari negara asing yang mahukan Anwar

menjalani pembedahan di luar negara.

Ini kerana jelas Syed Hamid, keputusan itu dibuat kerana Anwar masih seorang banduan.

Chua pula berkata, terpulang kepada Anwar sendiri untuk memilih pakar tempatan atau luar negara bagi menjalani rawatan tulang belakangnya.

"Kita juga ada kepakaran dan cara sendiri dalam pembedahan tulang belakang tapi terpulang kepada Anwar nak pilih sama ada pakar kita yang cukup mahir, terlatih dan diiktiraf dunia atau pakar di luar negara.

"Dia (mungkin) nak orang luar atau asing yang pandang rendah pada kebolehan kita atau dia nak pakar-pakar yang dia pernah uji sebelum ini," tambahnya.